

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14.10.2014**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa anak syarikatnya, SRC International Sdn. Bhd. yang mempunyai pinjaman dijamin Kerajaan sebanyak RM4 bilion masih belum memfailkan penyata kewangan untuk 31 Mac 2013. Di mana perginya pinjaman tersebut dan mengapa syarikat ini diambil-alih oleh Kementerian pada tahun 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

SRC International Sdn Bhd (SRC) merupakan salah sebuah syarikat yang ditubuhkan untuk mengendalikan beberapa projek Strategik Infrastruktur Negara. Syarikat ini telah di ambil alih daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan menjadi milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) pada tahun 2011. SRC dikendalikan sebagai sebuah syarikat strategik berpandangan jauh (*strategic long-term*) yang akan mengimplimentasi projek-projek strategik infrastruktur yang akan melipat gandakan keupayaan negara dalam menjana pertumbuhan jangka panjang yang berkekalan.

Penyata kewangan SRC bagi tahun 31 Mac 2013 akan difailkan bersama-sama dengan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 sebelum 31 Oktober 2014.

SRC International Sdn Bhd memperolehi pinjaman bersandarkan prinsip Islam sebanyak RM4 billion dari Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) yang telah dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Pinjaman tersebut telah disalurkan kepada SRC pada Ogos 2011 dan Mac 2012. Tujuan pinjaman tersebut adalah untuk dijadikan modal permulaan, dana

operasi dan modal pelaburan di dalam beberapa aset yang telah di kenal pasti berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan negara dalam masa jangka panjang. Wang tersebut telah dilaburkan menurut dan dalam rangka mandat yang telah diberikan kepada SRC.